

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS, TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH  
[BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [BUKIT GELUGOR]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah jangka masa Panjang yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu penurunan kadar upah graduan baharu seperti yang dilaporkan baru-baru ini yang mana boleh menyebabkan *brain drain* dalam negara kita bertambah teruk lagi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Isu penurunan kadar upah graduan baharu perlu dilihat daripada beberapa sudut. Pertama, sama ada status pekerjaan mereka adalah pekerja tetap, separuh masa, kontrak atau sambilan. Kedua, sama ada kaedah pembayaran gaji mereka berdasarkan kiraan jam, harian, mingguan, bulanan atau mengikut tugas. Ketiga, adakah mereka bekerja dalam bidang yang bersesuaian dengan kelulusan mereka. Terdapat kemungkinan graduan sedang dalam proses mencari pekerjaan yang sesuai dengan kelayakan. Dalam pada itu, mereka tetap bekerja walaupun dalam bidang pekerjaan yang tidak setaraf dengan kelayakan dan bidang kelulusan untuk mencari pengalaman sementara mendapatkan pekerjaan yang lebih sesuai.

Sebagai langkah jangka masa panjang yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu penurunan kadar upah graduan baharu, Kementerian Sumber Manusia telah menerbitkan Buku Panduan Gaji Permulaan 200 Pekerjaan Terpilih Berasaskan Kemahiran (Buku Panduan Gaji). Tujuan utama Buku Panduan Gaji adalah untuk mengiktiraf graduan lepasan institusi latihan kemahiran atau universiti dan seterusnya meningkatkan penyertaan tenaga mahir dalam pasaran tenaga kerja negara. Kewujudannya tidak bersifat mandatori dan hanyalah sebagai panduan bagi majikan dalam menetapkan gaji permulaan bagi sesuatu pekerjaan berasaskan kemahiran.

Bagi graduan yang memiliki diploma, ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana, gaji mereka tidak ditentukan melalui gaji minimum tetapi melalui rundingan antara graduan tersebut dengan pihak majikan. Pihak majikan dan graduan boleh berunding untuk menentukan tangga gaji yang lebih tinggi daripada gaji minimum, setimpal dengan kelayakan dan kemahiran mereka.

## SOALAN NO : 44

Berdasarkan data terkini Laporan Survei Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada suku kedua 2021, bilangan penduduk bekerja meningkat kepada 15.21 juta orang berbanding 14.88 juta orang yang direkodkan pada suku kedua 2020.

Melihat kepada komposisi penduduk bekerja mengikut kategori kemahiran, guna tenaga mahir mencatatkan 28.6% iaitu 4.35 juta orang manakala guna tenaga separuh mahir mencatatkan 59.5% iaitu 9.05 juta orang.

Bagi meningkatkan peluang pekerjaan khususnya bagi kategori mahir dan separuh mahir sebagai usaha menangani '*brain drain*' atau kehilangan sumber manusia berkualiti dalam negara, Kerajaan akan terus menggalakkan industri supaya beralih kepada penggunaan automasi dan teknologi canggih yang dapat mewujudkan permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi. Dalam masa sama, kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah akan turut dikurangkan secara berperingkat.

Kerajaan juga akan memastikan keutamaan penggajian diberikan kepada warga tempatan terutamanya dalam bidang berkepakaran tinggi. Pengambilan ekspatriat asing hanya akan dilakukan apabila kemahiran atau kepakaran yang diperlukan tidak dimiliki oleh warga tempatan atau bilangannya sangat terhad untuk memenuhi kekosongan jawatan yang ditawarkan.

Dalam hal ini, Kementerian Sumber Manusia melalui Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) (ILMIA) telah membangunkan *Critical Occupations List* (COL) yang bertujuan memberi penekanan terhadap kebolehpasaran tempatan dengan mengenalpasti kemahiran dan pekerjaan yang sukar dipenuhi merangkumi keperluan tenaga kerja mahir dan separa mahir. COL juga digunakan sebagai rujukan dalam mempertimbangkan kelulusan penggajian ekspatriat asing oleh pihak berkuasa yang terlibat.

#### **SOALAN NO : 44**

Kerajaan akan sentiasa berusaha menambah baik inisiatif yang telah dilaksanakan bagi menangani isu '*brain drain*' dalam negara serta meningkatkan peluang pekerjaan mahir dan separuh mahir selain mengekalkan bakat berkemahiran tinggi untuk menyumbang ke arah pembangunan negara.